

GUGATAN AKIDAH: MENGHALALKAN YANG HARAM

Muhammad Irfan Sulaiman
Muhammad Aminuddin Nasaruddin
Ahmad Marzuki Mohamed

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia,.

Suggested Citation:

Sulaiman M. I., Nasaruddin M. A., & Mohamed A. M. (2015). Gugatan Akidah: Menghalalkan yang Haram dlm. *Prosiding Seminar Pemantapan Akidah 2015* (Jasmi K. A. & Hiasan Panot, Ed.) pada 16 Mei 2015 bertempat di Dewan Kuliah Khadijah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor, hal. 125-141. ISBN: 978-967-0794-45-5.

ABSTRACT

Seorang manusia yang bergelar Muslim itu pasti dijanjikan dengan kenikmatan yang dijanjikan oleh Allah SWT bergantung kepada amalan yang dilakukan di dunia dan alam barzakh adalah tempat segala ciptaan Allah akan dikumpulkan. Perkara yang haram itu sudah jelas ditegah dalam al-Quran mahupun hadis, maka sudah tentu seseorang itu boleh memikirkan dengan sebaiknya apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dan apa yang ditegah oleh-Nya.

REFERENCES

- 'Utsman, Muhammad. (2007). *Dosa-Dosa Besar: Penjabaran Tuntas 70 Dosa Besar Menurut al-Quran dan al-Sunnah (al-Kabair)* (Abu Zufar Imtihan Asy-Syafi'i, Trans. Abu Fatiah al-Adnani & Qosdi Ridlwana Eds.). Solo: Pustaka Arafah.
- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Eds.). Al-Qahirah: Mu'assas al-Risalah.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulallah s.a.w. wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2000). *Pedoman Orang Mukmin*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Al-Muqaddam, Muhammad Ahmad Ismai'il. (2015). Salsilat al-Iman wa al-Kufr. Retrieved 9 May 2015, 2015, from <http://www.islamweb.net>
- Awang, Abdul Hadi. (2007). *Akidah Muslim*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika / PTS Publications & Distributors.
- Fathi al-Sayyid Nada, Abdul Aziz (2007). *Ensklopedia Adab Menurut al-Quran dan As-Sunnah*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Hamzah, Hasnul Hizam. (2014). *Midrij al-Fawatih fi Syarh Misykat il-Masabih*. Seri Petaling, Kuala Lumpur: Miftahul Ulum.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2003, 16 October 2003). *Matodologi Pendidikan Pembangunan Insan: Satu Kajian Khas Kitab Riyad al-Solihin*. Paper presented at the Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan [Siri Ketiga], Hotel Alison Klana, Seremban, Negeri Sembilan.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. (2007, 2-3 Februari 2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Mhd. Zain, Akmal. (2004). *Halal Dan Haram Dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur, Al-Hidayah Publishers.
- Mohd Nor, Zalinah. (1990). *Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Taher, Tarmizi. (2003). *Menyegarkan Akidah Tauhid Insani Mati di Era Klenik*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

9

GUGATAN AKIDAH: MENGHALALKAN YANG HARAM

Muhammad Irfan Sulaiman
Muhammad Aminuddin Nasaruddin
Ahmad Marzuki Mohamed

Abstrak

Seorang manusia yang bergelar Muslim itu pasti dijanjikan dengan kenikmatan yang dijanjikan oleh Allah SWT bergantung kepada amalan yang dilakukan di dunia dan alam barzakh adalah tempat segala ciptaan Allah akan dikumpulkan. Perkara yang haram itu sudah jelas ditegah dalam al-Quran mahupun hadis, maka sudah tentu seseorang itu boleh memikirkkan dengan sebaiknya apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dan apa yang ditegah oleh-Nya.

PENDAHULUAN

Setiap manusia yang bergelar Muslim harus berusaha sedaya upaya memastikan akidah mereka terpelihara daripada sebarang kemungkaran dan kemaksiatan (Jasmi, 2002; Jasmi *et al.*, 2003; Jasmi *et al.*, 2007; Mohd Nor, 1990). Dalam hal ini, akidah seseorang Muslim itu boleh terbatal dan rosak apabila akidah Islam itu ditokok tambah dengan unsur israiliyyat dan fahaman yang berunsurkan kesesatan. Antara dosa besar yang boleh menyebabkan seseorang Muslim itu menjadi murtad adalah disebabkan dengan faktor seperti yang akan dibahasakan dalam bab ini. Oleh itu, setiap Muslim perlu menilai perkara seperti ini kerana terlalu banyak fahaman di zaman ini yang menyesatkan umat Islam yang masih jahil dalam hukum hakam agama.

Dalam topik ini akan membincangkan tentang menghalalkan perkara yang diharamkan, iaitu menghalalkan zina, menghalalkan

nikah mutaah, menghalalkan jual beli riba, atau dalam erti kata lain iaitu meminda hukumnya daripada yang sebenarnya sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat al-Quran. Perbincangan setiap bahagian ini adalah berpandukan al-Quran dan hadis Rasulullah SAW

PENGETIAN HALAL DAN HARAM

Menurut Kamus Dewan Edisi Kedua, Halal ini membawa maksud dibolehkan melakukan sesuatu oleh undang-undang Islam yang tidak ditegah oleh hukum syarak seperti menyembelih binatang korban untuk dijadikan aqiqah, mengeluarkan zakat pendapatan dan sebagainya. Halal ini juga dari segi bahasa, berasal dari perkataan Arab, iaitu halla, yahillu, hillan, wahalalan yang bermaksud membenarkan. Dalam istilah syarak, Yusuf al-Qardawi mendefinisikan halal sebagai sesuatu yang diharuskan, yang terungkai padanya ikatan larangan, dan diizinkan oleh syarak untuk melakukannya. Hal ini amat penting dalam kehidupan seharian kerana perkara ini merangkumi pelbagai aspek yang perlu dijaga oleh setiap muslim.

Setiap mukalaf tidak akan terlepas dari hukum halal, haram, sunat, makruh dan harus seperti yang termaktub dalam al-Quran dan sunah yang matlamat pensyariatan hukum-hakam dalam Islam adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Mencari sesuatu yang halal untuk dimakan atau digunakan dalam kehidupan seharian itu merupakan salah satu kewajipan ke atas setiap orang yang bergelar Muslim, kerana mengambil yang halal itu dapat menambah cahaya iman dan diterima amal ibadahnya, sebagaimana memakan yang haram boleh menghalang doa dan ibadat dari diterima oleh Allah SWT. Berdasarkan firman-Nya:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاشْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ إِنَّ
كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾

Maksud: Oleh itu, makanlah (wahai orang yang beriman) dari apa yang dikurniakan Allah kepada kamu dari benda yang halal lagi

baik dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata.

(Surah al-Nahl, 16:114)

Ayat ini menjelaskan tentang tuntutan kepada setiap mukalaf dalam memakan benda yang halal dan baik apa yang dikurniakan oleh Allah SWT Mengikuti kepada ayat ini, sudah cukup jelas perintah Allah untuk memakan dan memilih makanan yang halal dan baik untuk kesejahteraan dalam kehidupan. Contoh perkara yang menghalalkan yang haram seperti mengharuskan solat tanpa wuduk dalam perkara yang tidak uzur. Menghalalkan kezaliman ke atas orang Islam atau kafir zimmi tanpa dalil syarak yang mengharuskan dia percaya.

Mengharamkan yang halal seperti mengharamkan jual beli dan nikah (Awang, 2007). Halal ini bukan sahaja hanya tertumpu kepada makanan dan minuman sahaja, malah perkara halal ini merujuk kepada perkara seperti berjual beli, sumber pendapatan dan sebagainya. Dalam kehidupan, terkadang perkara yang haram itu berlaku tanpa disedari walaupun perkara itu sekecil-kecil zarah, namun perkara itulah yang menjadikan seseorang mukalaf itu mendapat sumber yang haram contohnya dari segi sumber pendapatan pekerjaan seterusnya tidak mendapat keredaan di sisi-Nya. Hal ini juga dikuatkan lagi dengan hadis Nabi Muhammad SAW (Muslim, t.th.: 1015) seperti berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا وَقَالَ تَعَالَى يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ

يَدِيهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبُّ يَا رَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ
حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابَ لَهُ

Maksud: Dari Abu Hurairah RA katanya bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT itu baik, tidak ia terima melainkan yang baik. Dan sesungguhnya Allah memerintah orang Mukmin dengan apa yang ia perintahkan kepada sekalian rasul. Maka Allah SWT berfirman (seperti yang disebutkan dalam hadis, yang artinya): "Hai sekalian rasul! Makanlah dari yang baik-baik dan beramallah akan yang baik. Dan ia berfirman: Hai sekalian orang yang beriman! Makanlah dari segala yang baik-baik yang direzekikan kepada kamu." Kemudian ia menyebutkan seorang lelaki yang jauh perjalanan, yang kusut rambutnya lagi berdebu mukanya menghulurkan dua tangannya ke langit (berdoa): "Hai Tuhanku! Hai Tuhanku!" Pada hal makanannya haram, dan (mulutnya) disuapkan dengan yang haram; maka bagaimanakah akan diperkenankan baginya?"

(Muslim)

GOLONGAN YANG MENGHALALKAN HARAM

Islam adalah agama yang menjaga fitrah kemanusiaan. Islam juga tidak menghalalkan perkara yang mendatangkan kemudharatan kepada manusia dan tidak mengharamkan perkara yang memberi kemaslahatan kepada manusia. Barang yang haram semuanya buruk, tetapi yang satunya lebih buruk dari yang lain. Dan yang halal itu semuanya adalah baik, tetapi sebahagiannya lebih baik pula dari yang lain (al-Ghazali, 2000). Menghalalkan perkara yang haram ini juga termasuk dalam perbuatan syirik kerana antara dosa besar yang menyebabkan murtad dan kufur lagi jatuh syahadah ialah mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah SWT sebagaimana yang termaktub dalam firman-Nya:

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا
 حَرَامٌ لِّتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ
 الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿١١٦﴾ مَتَاعٌ قَلِيلٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١١٧﴾

Maksud: Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: "Ini halal dan ini haram" untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; Sesungguhnya orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya. (Mereka hanya mendapat) sedikit kesenangan (di dunia), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(Surah al-Nahl, 16:116-117)

Maksud menghalalkan yang haram ini juga membawa makna menukar hukum yang ditetapkan dalam al-Quran oleh Allah SWT seperti mana yang dijelaskan dalam ayat ini. Tidak perlu diragukan lagi bahawa berdusta terhadap Allah dan Rasul-Nya dalam masalah menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal adalah benar-benar kufur ('Utsman, 2007).

Oleh kerana itu, mengharamkan sesuatu yang halal boleh disamakan dengan syirik. Al-Quran menentang keras terhadap sikap orang musyrik Arab terhadap sekutu berhala mereka dan tentang sikap mereka yang berani mengharamkan atas diri mereka terhadap makanan dan binatang yang baik, padahal Allah tidak mengizinkannya (Qardhawi 2014).

MENGHARAMKAN KEJADIAN HALAL

Islam begitu tegas menentang golongan yang menghalalkan perkara yang haram baik dari segi makanan minuman mahupun tanaman dan haiwan. Hal ini demikian kerana, golongan seperti inilah yang menjadikan masyarakat Islam keliru dengan perubahan undang-undang dan hukum hakam yang ditetapkan dalam al-Quran dan

sunnah. Dalam jual beli juga, Allah mengharamkan jual beli yang haram seperti arak, minuman yang memabukkan, rokok, majalah porno, dan lain-lain yang diharamkan oleh Allah SWT Hasil penjualan barang ini hukumnya haram dan kotor (Fathi al-Sayyid Nada, 2007). Dalam firman Allah SWT surah *al-An'am* (143-144), Allah mengingkari golongan yang mengharamkan kejadian Allah yang halal untuk makhluknya. Berdasarkan nas al-Quran:

ثَمَانِيَةَ أَزْوَاجٍ مِنَ الضَّأْنِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْمَعْزِ اثْنَيْنِ قُلْ آلذَّكَرَيْنِ
 حَرَّمَ أَمِ الْأُنثَيَيْنِ أَمَّا اشْتَمَلَتْ عَلَيْهِ أَرْحَامُ الْأُنثَيَيْنِ نَبِّئُونِي
 بِعِلْمٍ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٤٣﴾ وَمِنَ الْإِبِلِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْبَقَرِ اثْنَيْنِ
 قُلْ آلذَّكَرَيْنِ حَرَّمَ أَمِ الْأُنثَيَيْنِ أَمَّا اشْتَمَلَتْ عَلَيْهِ أَرْحَامُ
 الْأُنثَيَيْنِ أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ وَصَّاكُمُ اللَّهُ بِهَذَا فَمَنْ أَظْلَمُ
 مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا لِيُضِلَّ النَّاسَ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ اللَّهَ
 لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٤﴾

Maksud: (Binatang ternak itu) delapan ekor (empat) pasangan; dari kambing biri-biri dua ekor (sepasang jantan betina) dan dari kambing biasa dua ekor (sepasang jantan betina). Tanyalah (wahai Muhammad kepada orang musyrik itu): "Adakah yang diharamkan Allah itu, dua jantannya atau dua betinanya atau yang dikandung oleh rahim dua betinanya?" Terangkan kepada-Ku dengan berdasarkan ilmu pengetahuan (syarak dari Allah yang menjadi dalil tentang haramnya), jika betul kamu orang yang benar. (Dan dari unta dua ekor (sepasang jantan betina) dan dari lembu dua ekor (sepasang jantan betina). Tanyalah (wahai Muhammad): "Adakah yang diharamkan Allah itu dua jantannya atau dua betinanya atau yang dikandung oleh rahim dua betinanya?" Ataupun kamu ada menyaksikan ketika Allah menyuruh serta

menentukan kepada kamu (atau kepada datuk nenek kamu) dengan yang demikian ini? Oleh itu, siapakah yang lebih zalim daripada orang yang berdusta terhadap Allah untuk menyesatkan manusia dengan tidak berdasarkan ilmu pengetahuan? Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim.

(Surah *al-An'am*, 6;143-144)

Berdasarkan ayat ini, jelas bahawa Allah SWT mengingkari golongan yang mengharamkan kejadian yang halal untuk makhluknya. Mengikuti ayat 143-144 dalam surah *al-An'am*, terdapat dialog terhadap sangkaan mereka dalam mengharamkan haiwan ternakan seperti unta, lembu dan kambing. Dalam al-Quran, Allah menunjukkan dengan cara yang tidak boleh ditolak, tetapi dapat ditakwilkan: "Ada lapan jenis haiwan; dari kambing biri-biri ada dua, dan dari kambing biasa ada dua pula; katakanlah (Muhammad): Apakah kedua-duanya yang jantan itu yang diharamkan, atau kedua-duanya yang betina atautah semua yang dikandung dalam kandungan yang betina itu kedua-duanya? (Cubalah) beri penjelasan kepada aku dengan suatu dalil, jika kamu orang yang benar! Begitu juga dari unta ada dua macam, - dan dari lembu ada dua macam juga; katakanlah (Muhammad!) apakah kedua-duanya yang jantan itu yang diharamkan, atautah kedua-duanya yang betina?" (*al-An'am*: 143-144).

Tuntutan iman ialah seorang Muslim beriman dengan kelima-lima perkara. Amal seorang Muslim ialah pada perkara yang halal dan tinggalkan perkara yang haram (Hamzah, 2014) seperti mana yang terdapat dalam hadis Nabi Muhammad SAW (al-Bukhari, 2001: 52; Muslim, t.th.: 1599):

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ التُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ
 سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ
 بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ

فَمَنِ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ كَالرَّاعِي يَرَعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحَارِمُهُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksud: Abu Abdillah Nu'man bin Basyir RA berkata, "Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Antara keduanya terdapat perkara yang syubhah (samar-samar) yang tidak diketahui oleh orang banyak. Maka siapa yang takut terhadap syubhah berarti dia menyelamatkan agamanya dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara syubhah, maka akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan. Sebagaimana penggembala yang menggembalakan haiwan gembalaannya di sekitar (ladang) yang dilarang untuk memasukinya, maka lambat laun dia akan memasukinya. Ketahuilah bahawa setiap raja memiliki larangan dan larangan Allah adalah apa yang Dia haramkan. Ketahuilah bahawa dalam diri ini terdapat segumpal daging, jika dia baik maka baiklah seluruh tubuh ini dan jika dia buruk, maka buruklah seluruh tubuh; ketahuilah bahawa dia adalah hati ".

(Al-Bukhari dan Muslim)

Dalam surah *al-A'raf* juga terdapat satu dialog yang Allah mengingkari mereka yang melakukan pengharaman berkenaan. Dalam ayat itu juga, dinyatakan juga prinsip asas yang bersifat kekal dalam menetapkan hukum haram. Berdasarkan firman Allah SWT ini:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ

الْقِيَامَةِ كَذَلِكَ نَفْصِلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾ قُلْ إِنَّمَا
 حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ-
 بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ
 تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

Maksud: Katakanlah (wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang dikeluarkan-Nya untuk hamba-Nya dan demikian juga benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan-Nya?" Katakanlah: "Semuanya itu ialah (nikmat) untuk orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat." Demikianlah Kami jelaskan ayat keterangan. (Kami satu persatu bagi orang yang (mahu) mengetahui. Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi dan perbuatan dosa dan perbuatan mencero boh dengan tidak ada alasan yang benar dan (diharamkan-Nya) kamu mempersekutukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (diharamkan -Nya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya.)

(Surah al-A'raf, 7;32-33)

Berpandukan ayat di atas, dialog seperti ini terdapat dalam surah al-Makkiyah, yang sentiasa memberi penekanan dalam pemantapan terutama akidah, tauhid, dan hari akhirat. Termasuk juga dalam erti kata, menghalalkan apa yang diharamkan Allah SWT ialah meminda hukumnya daripada yang sebenarnya (Jasmi & Tamuri, 2011). Selain itu juga, perkara ini dapat memberi seorang Muslim petunjuk bahawa masalah ini bukanlah masalah yang utama, tetapi ia adalah masalah dasar yang perlu diselesaikan dengan segala aspek yang penting dalam pembentukan sahsiah masyarakat Islam yang harmoni.

GOLONGAN MENGHALALKAN YANG HARAM DALAM AL-QURAN DAN HADIS

Dalil bagi golongan ini mengikut riwayat Imam Ahmad, satu hadis ada menjelaskan (Ahmad, 2001: 9867):

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ بُعِثْتُ
بِجَوَامِعِ الْكَلِمِ

Maksud: Sesungguhnya Abu Hurairah RA berkata bahawa aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Saya diutus dengan membawa suatu agama yang boleh ditoleransi."

(Ahmad)

Maknanya di sini adalah dari sisi agama itu menampakkan kebolehpayaan untuk agama Islam ini bertolak ansur selagi mana tidak menyalahi hukum syarak dan rasulullah diutus adalah untk menyampaikan wahyu, iaitu perihal agama yang boleh bertolak ansur.

Dalam riwayat Muslim juga, terdapat satu hadis qudsi yang menjelaskan bahawa Islam adalah agama yang teguh dalam berakidah dengan akidah tauhid, serta mudah dalam segala hal pekerjaan dan undang-undang. Lawan daripada dua sifat itu adalah syirik dan mengharamkan yang halal. Kedua sifat yang akhir ini berdasarkan dalil hadis berikut (Muslim, t.th.: 2865):

عَنْ عِيَاضِ بْنِ حِمَارٍ الْمُجَاشِعِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ
قَالَ ذَاتَ يَوْمٍ فِي خُطْبَتِهِ أَلَا إِنَّ رَبِّي أَمَرَنِي أَنْ أَعْلَمَكُم
مَا جَهِلْتُمْ مِمَّا عَلَّمَنِي يَوْمِي هَذَا كُلُّ مَالٍ مَخْلُتُهُ عَبْدًا
حَلَالٌ وَإِنِّي خَلَقْتُ عِبَادِي حُنَفَاءَ كُلَّهُمْ وَإِنَّهُمْ أَتَتْهُمْ

الشَّيَاطِينُ فَأَجْتَالْتَهُمْ عَن دِينِهِمْ وَحَرَمْتَ عَلَيْهِمْ مَا
أَحَلَلْتُ لَهُمْ وَأَمَرْتَهُمْ أَنْ يُشْرِكُوا بِي مَا لَمْ أَنْزِلْ بِهِ سُلْطَانًا

Maksud: Iyadh bin Himar al-Mujasy'i Rasulullah SAW bersabda pada suatu hari dalam khutbah beliau: "Sesungguhnya Tuhanku memerintahkan untuk mengajarkan yang tidak kalian ketahui yang Ia ajarkan padaku pada hari ini: 'Semua harta yang Aku berikan pada hamba itu hala "Aku ciptakan hambaku ini dengan sikap yang lurus, tetapi kemudian datanglah syaitan kepada mereka. Syaitan ini kemudian memalingkan mereka dari agamanya, dan mengharamkan atas mereka sesuatu yang aku halalkan kepada mereka, serta mempengaruhi supaya mereka mahu menyekutukan aku dengan sesuatu yang aku tidak turunkan keterangan padanya."

(Muslim)

DALIL LARANGAN MENGHALALKAN YANG HARAM

Menghalalkan yang haram merupakan tindakan sumbang terhadap hukum Allah, sebagaimana halnya mengharamkan yang halal demikian. Allah berfirman:

قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَامًا
وَحَلَالًا قُلْ اللَّهُ أَدْنَىٰ لَكُمْ أَمْ عَلَى اللَّهِ تَفْتَرُونَ ﴿٥٩﴾ وَمَا
ظَنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّ اللَّهَ
لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٦٠﴾

Maksud: Katakanlah (kepada kaum Yang mengada-adakan sesuatu hukum): "Sudahkah kamu nampak baik-buruknya sesuatu yang diturunkan Allah untuk manfaat kamu itu sehingga dapat kamu jadikan sebahagian daripadanya haram, dan sebahagian lagi halal?" Katakanlah lagi (kepada mereka): "Adakah Allah izinkan

bagi kamu berbuat demikian, atau kamu hanya mengada-adakan secara dusta terhadap Allah?” Dan apakah sangkaan orang Yang mengada-adakan kata dusta terhadap Allah, (tidakkah mereka akan diazabkan) hari kiamat kelak? sebenarnya Allah jualah yang melimpahkan kurnia kepada manusia (meliputi rezeki pemberian-Nya dan hukum Syarak yang diturunkan-Nya), tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur.

(Surah Yunus, 10;59-60)

Dalam surah yang lain juga, Allah berfirman:

وَإِنْ تُطِيعْ أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ
يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

Maksud: Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: “Ini halal dan ini haram” untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; sesungguhnya orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya.

(Surah al-An'am, 6;116)

Sudah jelas di sini, dalam al-Quran dan hadis menegaskan bahawa larangan setiap orang yang bergelar Muslim terhadap menghalalkan perkara yang haram tidak kira melalui pelbagai cara sekalipun yang mendatangkan mudarat yang haram.

RUKHSAH DALAM PERKARA HARAM

Islam melarang untuk melakukan perbuatan yang haram termasuk perkara yang membawa kepada haram, perkara yang membantu kepada perlakuan haram maka, hukumnya adalah haram. Tetapi, Islam tidak begitu zalim dan sebagai agama yang prihatin, Islam prihatin terhadap kehidupan setiap orang yang beragama Islam. Maka dalam keadaan sangat terpaksa, seorang Muslim dibolehkan

melakukan yang haram sekadar untuk menjaga dirinya daripada kebinasaan dan tidak pula melampaui batas (Mhd. Zain, 2004) sebagaimana Allah SWT beriman:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ
لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ
اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

Maksud: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah al-Baqarah, 2:173)

Ayat ini diulang sebanyak empat kali ketika menyebut masalah makanan-makanan yang haram. Mengikut ayat ini, para ahli fiqah menetapkan satu kaedah, iaitu: “Keadaan terpaksa membolehkan yang terlarang.” Oleh itu, meskipun seseorang hamba itu tunduk kepada tuntutan itu, dan mengikut kepada sepenuh petunjuknya, hendaklah ia menahan diri untuk mencari terlebih dahulu apa asalnya halal (Qardhawi 1995), sehingga mudah untuk melakukan perkara yang haram tanpa melihat kepada sumber hukum Islam, iaitu al-Quran dan sunah.

KESAN MENGHARAMKAN PERKARA HALAL

Apabila seseorang mahupun sesuatu golongan itu dengan sewenangnyanya menghalalkan yang haram, maka masalah akan timbul adalah:

Masyarakat Kekeliru

Pertama dari sudut masyarakat ia jelas lagi terang apabila agama itu mudah dan mudah bertoleransi maka wujudlah golongan yang sewenang-wenangnya juga memudahkan agama yang sedia mudah, maka akan lebih tertipu dengan tipu daya syaitan. Era global kini menampakkan pelbagai anasir negatif yang mudah meresap dalam jiwa anak-anak muda khususnya masyarakat yang terbahagi dua, iaitu masyarakat bandar dan luar bandar.

Bagi masyarakat bandar yang kekurangan ilmu ataupun lemah iman maka akan lebih mudah menerima sesuatu yang perkara yang dimudahkan oleh golongan tertentu, seiring dengan wujudnya media massa yang akhirnya akan mengelirukan banyak pihak.

Bagi masyarakat luar bandar secara khususnya adalah jaringan sosial dan ilmu mungkin bersifat terhad dengan kurangnya pendedahan dari sudut ilmu agama, maka pelbagai kepincangan akan berlaku dengan sewenang-nangnya. maka apabila adanya suatu anasir negatif yang wujud maka ianya mudah menyerap jiwa masyarakat luar bandar.

Lahirnya Golongan yang Memudahkan Sesuatu yang Mudah

Hal ini demikian bertepatan dengan pandangan dalam al-Quran yang Allah berfirman:

فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Maka nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?

(Surah *al-Rahman*, 55; 13)

Hal ini menerangkan apabila sesuatu golongan itu lebih cenderung menghalalkan yang haram, maka secara tidak langsung, seseorang itu mudah untuk terjerumus ke lubang kufur nikmat.

Rosaknya Ibadah

Ibadah adalah mengenai ketaatan kepada Allah, maka dengan itu apabila sesuatu ibadah itu tidak bertepatan dengan al-Quran dan sunah maka dan lebih mentaati tuntutan dunia maka berpandukan ijtihad ulamak maka ianya terkeluar dari Islam dengan sendirinya melalui perbuatannya itu seperti yang disepakati oleh para ulamak (al-Muqaddam, 2015):

من أحل الحرام فقد كفر ومن حرم الحلال فقد كفر

Maksud: Barang siapa yang menghalalkan yang haram, maka ia kafir. Dan barang siapa yang mengharamkan yang halal maka ia kafir".

RUMUSAN

Dalam menentukan halal dan haram, seseorang itu perlu merujuk pada al-Quran Dan sunah seterusnya kepada ijmak ulama' dan diwajibkan memberikan dalil khusus mengenai apa yang hendak dihalalkan, samaada dalam bentuk makanan, perilaku atau apa sahaja selagi mana ia tidak menyalahi hukum syarak. Dari erti kata lain seseorang yang yang suka mengada-adakan sesuatu yang berpaling dari agama Allah ialah seseorang yang lebih menurut hawa nafsu dan rasioanalnya pemikiran tanpa berlandaskan al-Quran dan sunah. Setiap diri dan keluarga Muslim perlu bersiap sedia menyongsong masa depan yang cemerlang (Taher, 2003) dalam zaman yang begitu pesat membangun ini. Tuntasnya, dalam peribadi seorang Muslim seharusnya tidak perlu ada sikap ekstrem dalam diri seorang Muslim dalam memberikan pendapat kerana apabila seseorang itu bersikap ekstrem maka segala perilaku sama ada perbuatan atau kata-kata akan lebih menurut nafsu bukan berlandaskan al-Quran dan sunah dan ianya seolah-olah kufur kepada nikmat Allah dan berlebih-lebihan dalam memberikan pendapat.

RUMUSAN

Tuntasnya di sini adalah bagaimana seorang mukmin menjalankan hukum Allah sesempurna mungkin kerana sebagai mukmin yang sejati adalah penggerak kepada hukum, maka dengan itu berbaliklah seorang Muslim kepada al-Quran dan sunah jika dalam kesulitan mahupun kekeliruan dalam mengupas topik menghalalkan yang haram, ini jelas banyak tertumpu pada kehidupan global ni yang makin hari semakin menyimpang jauh dari ajaran agama dan bersifat liberal. Hal ini berkaitan dengan aqidah seseorang dimana apabila seorang Muslim menegakkan sesuatu yang haram maka secara tidak langsung seorang Muslim mengenyepikan hukum Allah dan kufur pada nikmat Allah menyebabkan seorang Muslim terjerumus dalam dosa besar dan menjauhkan hubungan seorang Muslim dengan Allah.

Sejauh mana perkara haram yang dihalalkan oleh segelintir manusia itu yang menjadi persoalan buat seorang Muslim semua, maka dengan itu peranan seorang Muslim sebagai hamba Allah, sebagai dai'e adalah lebih besar dan persediaan mental juga fizikal perlu lebih utuh. kerana perlu seorang Muslim ingat agama Allah adalah mudah maka dengan itu jangan dpermudahkan.

RUJUKAN

- 'Utsman, Muhammad. (2007). *Dosa-Dosa Besar: Penjabaran Tuntas 70 Dosa Besar Menurut al-Quran dan al-Sunnah (al-Kabair)* (Abu Zufar Imtihan Asy-Syafi'i, Trans. Abu Fatiah al-Adnani & Qosdi Ridwanullah Eds.). Solo: Pustaka Arafah.
- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Eds.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah s.a.w. wa Sunanihi wa Ayyamih* – *Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.

- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2000). *Pedoman Orang Mukmin*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Al-Muqaddam, Muhammad Ahmad Ismai'il. (2015). Salsilat al-Iman wa al-Kufr. Retrieved 9 May 2015, 2015, from <http://www.islamweb.net>
- Awang, Abdul Hadi. (2007). *Akidah Muslim*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika / PTS Publications & Distributors.
- Fathi al-Sayyid Nada, Abdul Aziz (2007). *Ensklopedia Adab Menurut al-Quran dan As-Sunnah*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Hamzah, Hasnul Hizam. (2014). *Midrij al-Fawatih fi Syarh Misykat il-Masabih*. Seri Petaling, Kuala Lumpur: Miftahul Ulum.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2003, 16 October 2003). *Matodologi Pendidikan Pembangunan Insan: Satu Kajian Khas Kitab Riyadh al-Solihin*. Paper presented at the Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan [Siri Ketiga], Hotel Alison Klana, Seremban, Negeri Sembilan.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. (2007, 2-3 Februari 2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM.
- Mhd. Zain, Akmal. (2004). *Halal Dan Haram Dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur,: Al-Hidayah Publishers.
- Mohd Nor, Zalinah. (1990). *Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Taher, Tarmizi. (2003). *Menyegarkan Akidah Tauhid Insani Mati di Era Klenik*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.